

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI buat dasar beli balik produk usahawan	Utusan Malaysia
2	MOSTI bantu pemilik produk perluas pasaran	Berita Harian
3	MITI sasar RM10 bilion pelaburan E&E	Utusan Malaysia
4	EIDC SIRIM ditubuhkan untuk bantu PKS	Utusan Malaysia
5	MB: People must play part to prevent floods	The Malay Mail
6	Minta ambil DNA sendiri menyalahi asas undang-undang	Berita Harian
7	Rumah kedua Dr. Mazlan	Utusan Malaysia (Mega)
8	Experience of a lifetime	The Star

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 07 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

MOSTI buat dasar beli balik produk usahawan

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mahu membentuk dasar pembelian balik produk-produk yang dicipta oleh usahawan-usahawan tempatan yang mendapat geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) dari kementerian itu untuk dikomersialkan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Md. Diah berkata, dasar ini akan dilaksanakan pada tahun ini juga bagi memastikan lebih banyak produk usahawan dapat dikomersialkan di pasaran tempatan.

Sebagai permulaan katanya, MOSTI akan membelanjakan sebanyak RM50 juta daripada RM290 juta yang diperuntukkan kerajaan untuk program-program R&D di bawah Bajet 2015 untuk membeli produk-produk usahawan tersebut.

Beliau berkata, dasar ini bertujuan memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa produk-produk yang dihasilkan usahawan-usahawan tempatan adalah baik, diyakini dan boleh dikomersialkan.

"Kerajaan akan menjadikan produk-produk yang dihasilkan ini sebagai satu testimoni bagi mengukur kejayaan sesebuah R&D terhadap produk-produk yang dihasilkan. Kita mahu menghasilkan lebih ramai usahawan dengan produk-produk ini.

"Jika tidak, ia hanya menjadi satu kerugian apabila produk-produk yang sudah dijalankan R&D itu dan mempunyai potensi yang tinggi, tidak dapat digunakan," katanya ke-



ABU BAKAR MD. DIAH (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian di antara Mohan K (dua dari kiri) dan Rakan Mathys & Squire Intellectual Property, Chris K. Hamer (dua dari kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

pada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Seminar IP - It Makes Sense di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengarah Adastra IP (M) Sdn. Bhd., Mohan K. dan Ketua Pengarah MyIPO, Shamsiah Kamaruddin.

Abu Bakar berkata, usahawan-usahawan juga tidak boleh menggunakan IP sebagai alasan untuk mengaut keuntungan yang kemudiannya menjadi batu penghalang kepada aktiviti pengkomersialan.

Jelasnya, IP sepatutnya menjadi platform mudah usahawan-usahawan untuk mengembangkan perniagaan masing-masing.

"Kita mahu proses perbincangan di antara usahawan-usahawan dengan pembeli-pembeli produk dapat

dilakukan dengan mudah serta aktiviti pengkomersialan dapat berjalan dengan lancar," ujarnya.

Sementara itu, Mohan berkata, seminar IP adalah bukti IP di negara ini tidak lagi terhad kepada pasaran tempatan, tetapi juga meneroka pasaran luar negara.

Menurutnya, minat yang ditunjukkan oleh firma asing seperti Mathys & Squire yang berpangkalan di London, untuk bekerjasama dengan Adastra akan membantu meluaskan IP tempatan ke seluruh dunia.

"Dengan lebih 100 penyertaan, kami berharap dapat menganjurkan seminar seumpamanya secara tahunan bagi mewujudkan kesedaran yang lebih lagi mengenai hak-hak IP," ujarnya.

MOSTI bantu pemilik produk perluas pasaran

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan membantu pemilik paten meningkatkan daya komersial 360 produk tempatan berpotensi tinggi menerusi kaedah pembelian semula.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata dasar itu adalah selaras usaha kerajaan membantu pemilik produk menembusi pasaran antarabangsa.

"Kerajaan bertindak sebagai pengantara dalam mengetengahkan produk berimpak tinggi yang diperolehi daripada pemilik, untuk dimajukan kepada kementerian atau pihak berkepentingan bergantung kepada kesesuaian.

"Contohnya, pihak berkuasa tempatan, syarikat keselamatan, pendidikan dan kesihatan," katanya kepada sidang media selepas merasmikan Seminar Harta Intelek, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek (IPO), Shamsiah Kamaruddin dan Pengarah Adastra IP, Mohan K.

Abu Bakar berkata, dasar baharu berkenaan juga bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pengguna bagi menentukan sama ada boleh diteruskan sebagai produk komersial atau sebaliknya.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM50 juta bagi permulaan pelaksanaan dasar berkenaan dan mengutamakan kepada pemilik yang memohon geran yang disediakan kerajaan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 7 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)



MUSTAPA MOHAMED menunjukkan dokumen hasil perbincangan sambil diperhatikan **Azman Mahmud** (kiri) dan **Nik Rahmat Nik Taib** di Kuala Lumpur, semalam.

MITI sasar RM10 bilion pelaburan E&E

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyasarkan nilai pelaburan sebanyak RM10 bilion di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) Elektrikal dan Elektronik (E&E) menjelang hujung tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, sasaran itu boleh dicapai berdasarkan pertumbuhan ekonomi negara yang mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 5.5 peratus hingga enam peratus disokong

oleh nilai ringgit yang stabil.

Katanya, sektor berkenaan mencatat rekod pelaburan diluluskan sebanyak RM8.4 bilion sehingga Julai tahun ini dengan 57 projek, sekali gus melepasi sasaran 2014 sebanyak RM5.1 bilion.

"E&E merupakan sektor terbesar dalam pembuatan yang menyumbang 32.9 peratus daripada keseluruhan jumlah eksport negara dan menjadi bidang penting kepada negara," katanya pada sidang akhbar NKEA E&E di sini hari ini.

Yang turut hadir, **Timbalan**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud dan Timbalan Ketua Setiausaha (Industri) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Nik Rahmat Nik Taib.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2014, Malaysia mencatat peningkatan 9.6 peratus eksport bagi produk E&E kepada RM165.5 bilion berbanding RM151 bilion bagi tempoh sama tahun lalu.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 07 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

EIDC SIRIM ditubuhkan untuk bantu PKS

SHAH ALAM 6 Nov. - SIRIM Berhad, melalui Pusat Reka bentuk Eko Perindustrian (EIDC) bersedia memberi sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan daripada sektor elektronik dan elektrik bagi menggunakan teknologi terkini dalam bidang reka bentuk dan pembuatan prototaip.

Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof (**gambar**) berkata, pusat tersebut menye-



diakan bantuan kepada PKS bagi membolehkan syarikat-syarikat tempatan berada di hadapan dalam rantai nilai reka bentuk dan pembuatan melalui perkhidmatan yang mudah diperolehi pada kos berpatutan.

Katanya, pusat yang terletak di SIRIM Bukit Jalil dan mula beroperasi Disember tahun lepas itu menyediakan perkhidmatan terutamanya bagi PKS dalam bidang reka bentuk eko dan prototaip pantas.

"Antara lain, EIDC menawarkan bantuan kepada industri tempatan

dalam pengeluaran produk mesra alam melalui inovasi eko dan seterusnya meningkatkan keupayaan industri dari segi daya saing global.

"Pusat ini juga bakal mewujudkan kumpulan pereka bentuk industri melalui program-program pembangunan bakat hasil usahasama dengan institut-institut latihan tempatan," kata SIRIM dalam kenyataannya di sini hari ini.

Penubuhan EIDC yang bernilai RM6.55 juta telah diamanahkan kepada SIRIM oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) di bawah inisiatif Elektronik dan Elektrikal, Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA).



MB: People must play part to prevent floods

The floods leave a muddy trail of destruction in Ringlet— Picture by Marcus Pheong

KUANTAN — The floods that struck Ringlet in the Cameron Highlands on Wednesday should make people realise the importance of forest conservation, Pahang Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob said.

He said although the state government had taken measures to prevent a recurrence of the floods, after a similar incident in Bertam Valley last year, it was unfortunate there had been another calamity.

Adnan said while the state government would help in every possible way, including giving financial assistance and evacuating families, there was only so much which could be done and the people must play their part, too.

"The relevant parties — TNB (Tenaga Nasional Berhad), the district office and

the police — were prepared to face the floods and they had performed their tasks well," he said.

"However, for the long term, there is not much that can be done now, as most of the areas have been taken up by settlers with haphazard development, and the forest stripped bare."

Last year, the Ringlet lake in the Bertam Valley overflowed following continuous rain and caused a mud flood that claimed four lives and damaged more than 100 houses.

Asked whether an increase in settlements in the Bertam Valley had contributed to the flooding on Wednesday, Adnan said the residents were too attached to their homes and had refused to move elsewhere.

"We tried to relocate SJK (C) Bertam Valley but they refused (to move)," he said.

"There is not much we can do except advise them to move their family and children immediately to the higher floors of the school whenever floods occur."

The Meteorological Department said excessive rainfall had been recorded in the Cameron Highlands on Wednesday.

The department's deputy director-general, Alui Bahari, said the affected areas in Ringlet had recorded 79.8mm of rainfall.

"Such heavy rainfall only happens once every four years," he said.

"Our radars detected thunderstorms would occur in the area on Wednesday but we could not predict exactly how much rainfall would occur," he said.

Minta ambil DNA sendiri menyalahi asas undang-undang

Putrajaya: Tindakan pendakwa-an meminta Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil DNA miliknya sendiri adalah menyimpang daripada asas undang-undang, Mahkamah Persekutuan semalam, diberitahu.

Peguam, Ramkarpal Singh berhujah, pendakwaan seharusnya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah dan bukan meletakkan beban itu di bahu pembelaan.

Pada prosiding sebelum ini, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah meminta Anwar mengam-

bil DNA sendiri, bagi menyangkal keterangan dua pakar kimia **Jabatan Kimia** yang mengesahkan DNA dikemukakan di mahkamah milik perayu.

"Tugas pembelaan adalah membuktikan kes melampaui keraguan munasabah, manakala pembelaan hanya perlu menimbulkan sebaliknya," kata Ramkarpal.

Sampel tercemar

Selain itu, katanya, pendakwaan juga perlu membuktikan dakwaan yang menyatakan sampel DNA tercemar berpunca daripada Dr

Osman Abdul Hamid, doktor pertama yang memeriksa Mohd Saiful.

Ramkarpal berhujah, ada bukti nyata bahawa sampel DNA sudah tercemar dan integriti sampel itu menimbulkan keraguan munasabah.

"Bukti saintifik yang dikemukakan pendakwaan dalam kes ini tidak boleh dipercayai dan seharusnya ditolak ketika di peringkat akhir kes pendakwaan di Mahkamah Tinggi.

"Ada keraguan serius di dalam kes ini. Oleh itu, atas alasan yang

dikemukakan, kami memohon anak guam kami dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan ini," katanya.

Tiada kesan pada dubur

Ramkarpal berhujah dalam kes berkenaan, masih ada kesangsian berhubung isu penetrasi terhadap Mohd Saiful.

Katanya, pemeriksaan Dr Osman daripada Hospital PUSRAWI, serta doktor dari Hospital Kuala Lumpur (HKL), iaitu Dr Mohd Razali Ibrahim, Dr Siew Sheue Feng dan Dr Khairul Nizam Hassan,

tidak menemui kesan penetrasi dalam dubur mangsa.

Beliau berkata, kesan koyakan akan kelihatan sekiranya mangsa tidak menggunakan bahan pelincir 'KY Jelly' ketika diliwat, tetapi bukti perubatan menyatakan tiada tembusan berlaku.

"Penetrasi itu hanyalah keterangan dengar cakap, malah, bukti saintifik yang dikemukakan pendakwaan tidak boleh dipercayai dan seharusnya ditolak pada akhir kes pendakwaan di Mahkamah Tinggi," katanya.

JMAAT 07.11.14

UTUSAN MALAYSIA *Mega*

KAFE DALAM TAMAN »7

Menjamu selera dengan dikelilingi
pohon-pohon segar dan menghijau
memang menimbulkan suasana
yang mengasyikkan dan tenang.



Planetarium
Negara dan
Datuk Dr.
Mazlan Othman,
sememangnya
dua nama yang
sukar dipisahkan.

RUMAH KEDUA DR. MAZLAN



fokus

**PLANETARIUM
NEGARA**

PEMBINAAN kompleks Planetarium Negara bermula pada 1990 dan disiapkan pada 1993. Pelancaran tidak rasmi bermula pada Mei 1993.

Kasih Dr. Mazlan pada planetarium

Meletakkan sepenuh hati pada projek kebanggaan negara

Mengenai Dr. Mazlan

- 1** Hobi - Mendaki gunung. Sekurang-kurangnya sekali dalam setahun akan mendaki gunung. Pernah mendaki Gunung Tahan sebanyak tiga, tiga kali mendaki Gunung Kinabalu, pernah ke Gua Mulu dan menyertai ekspedisi Maliau di Sabah.
- 2** Aktif bersukan sejak di sekolah seperti menyertai pasukan hoki dan bola jaring.
- 3** Amat menjaga pemakanan. Tidak gemar makanan bergoreng seperti ayam goreng, pisang goreng dan sebagainya.
- 4** Masih makan nasi lemak dan roti canai tetapi berpada-pada.
- 5** Banyak makan buah-buahan, bijirin, ulam dan susu. Amalkan pemakanan yang sihat. Katanya, di luar negara lebih mudah mendapat makanan yang sihat kerana setiap hidangan ada salad.
- 6** Suka menjahit. Semasa di universiti pernah menjahit baju sendiri, baju kakak, adik dan nenek.
- 7** Suka berkebun.
- 8** Walau suka memasak tetapi bosan jika perlu masak setiap hari kerana perlu memikirkan apa yang hendak dimasak.
- 9** Suka masakan kampung seperti gulai pecah telur, gulai daging salai dan sebagainya. Kurang suka makan makanan yang sofistikated.



DR. MAZLAN OTHMAN

JIKA pokok-pokok berusia ratusan tahun yang masih tegak berdiri di sekitar Planetarium Negara itu boleh bercakap, pasti akan 'berterima kasih' kepada **Datuk Dr. Mazlan Othman** kerana mempertahankan 'mereka' supaya tidak ditebang.

Demi menyelamatkan pokok-pokok yang tidak ternilai itu, beliau sanggup datang hampir setiap hari ke tapak planetarium tersebut semasa ia masih dalam proses meratakan tanah.

Beliau begitu menyayangi pokok-pokok tersebut dan berusaha melindunginya. Sememangnya sejak dari awal pagi Planetarium Negara mempunyai sentuhan peribadi daripada Dr. Mazlan sehinggalah kedua-dua nama itu begitu sinonim.

Walaupun sibuk dengan tugas lain, beliau tetap meluangkan masa untuk datang ke situ tidak kira siang atau malam.

"Kasih sayang saya begitu mendalam pada planetarium ini. Saya meletakkan sepenuh hati saya di sini," kata Dr. Mazlan ketika ditemui di Planetarium Negara, yang terletak berdekatan Taman Botani Perdana (dulunya dikenali Taman Tasik Perdana), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau yang bersara daripada jawatannya sebagai Pengarah di Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Angkasa Lepas (UNOOSA) di Vienna, Austria, pada tahun lepas, baharu sahaja kembali ke tanah air pada Julai lalu.

Dr. Mazlan, 63, kini diberi tugas mengetuai Projek Mega Sains 3 di Akademi Sains Malaysia bagi mengkaji masa depan beberapa sektor industri sehingga tahun 2050.

Antara sektor industri tersebut ialah pelancongan, perabot, plastik dan komposit, otomotif dan industri kreatif.

Mengenang kembali wujudnya Planetarium Negara, beliau berkata, waktu itu komet Halley diramal akan kembali di langit setelah 75 tahun beredar.

Beliau kemudian mencadangkan supaya Pusat Islam mengadakan pameran secara besar-besaran sempena menyambut 'kehadiran' komet tersebut.

Pameran yang ternyata mendapat sambutan luar biasa itu, dibuat daripada dua aspek, iaitu astronomi Islam dan astronomi secara keseluruhan.

popular ternama

Oleh **MERAN ABU BAKAR**

meran.bakar@utusan.com.my



"Melihat kejayaannya, Tan Sri Yusof Noor telah mengilhamkan supaya kerajaan menubuhkan Planetarium Negara bagi membangunkan kesedaran awam mengenai astronomi. Mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad, ketika itu amat mementingkan pendidikan dan sains, telah memilih Jalan Perdana untuk didirikan planetarium pertama.

"Tun berpendapat planetarium seharusnya berada di tempat tinggi tetapi mudah didatangi oleh orang awam. Kawasan ini begitu indah, sunyi dan saya mendapat inspirasi mendalam serta ilham di sini. Tun juga mahukan reka bentuk planetarium berciri reka bentuk Islam, sama seperti Pusat Islam.

"Tangga untuk menaiki ke planetarium adalah simbolik untuk naik ke angkasa, kubah biru melambangkan langit dan air yang turun melambangkan asas kehidupan di alam semesta. Begitu juga dengan landskap dan perhiasan di sekitar kawasan ini mesti mempunyai kaitan dengan angkasa.

"Jalan-jalan yang ada di sini dinamakan dengan nama bintang. Batu-batu besar menceritakan mengenai buruj dan air pancut pula seperti bintang di angkasa. Dahulu terdapat bunga gul bakawali yang berkembang pada waktu malam dan pokok *moon vine* yang kesemuanya berkisar mengenai falsafah dan alam semesta.

"Kami turut mengadakan satu pertandingan skulptur di mana pemenang diberi peluang bagi mendirikan rekaannya. Menariknya skulptur ini ialah ia berkonsep angkasa, dengan tujuh angka Arab yang membawa pengertian tujuh lapis langit, waktu, planet dan bintang.

"Kawasan ini begitu cantik dengan alam semula jadi seperti pokok-pokok. Hampir setiap hari saya datang ke sini semasa kontraktor datang membersihkan kawasan supaya mereka tidak menebang banyak pokok," kata Dr. Mazlan yang kini telah bergelar nenek kepada seorang cucu, Connor, berusia dua tahun.

Menurut beliau, mengikut rekaan asal, balai cerap sepatutnya didirikan di bahagian kanan planetarium, tetapi oleh kerana terdapat sebatang pokok tua di situ maka balai cerap ditukar ke sebelah kiri pula.



Gambar **ZAINI HUSSIN**
Rekabentuk **MARLINA ZAKARIA**

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 3

TARIKH : 7 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)

PEMBUKAAN rasmi telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, pada 7 Februari 1994.

PLANETARIUM Negara di buka setiap hari dari 9.00 pagi hingga 4.30 petang (kecuali pada hari Isnin).

fokus

KECINTAAN Dr. Mazlan terhadap dunia astronomi tidak pernah padam.



Tidak pernah terfikir jadi angkasawan

MELIHAT kepada kecintaannya terhadap bidang angkasa lepas, sudah pasti ramai menelaah Dr. Mazlan bercita-cita menjadi angkasawan.

Namun jawapan beliau nyata mengejutkan.

"Saya tidak pernah terfikir hendak menjadi angkasawan. Saya hanya mahu membuat kajian sebagai sumbangan ilmu kepada negara dan masyarakat.

"Peranan saya adalah dalam bidang kajian. Menjadi seorang angkasawan berbeza daripada menjadi seorang pakar astrofizik," katanya.

Menurut beliau, sesiapa pun boleh menjadi angkasawan seperti doktor, jurutera, wartawan dan sebagainya.

Tugas-tugas angkasawan ketika di angkasa memerlukan latar belakang yang berbeza.

Nasihat beliau kepada golongan muda ialah agar menjadi paling hebat dalam bidang yang dipilih dan pastikan mempunyai gaya hidup yang bagus, iaitu sihat, langsing dan cergas.

Sementara itu, katanya, untuk menjadi seorang pakar astro fizik, seseorang itu harus bagus dalam matematik dan fizik.

"Golongan muda sekarang sangat bernaib baik kerana mempunyai kemudahan internet dan memperoleh maklumat dengan cepat.

"Dalam tempoh 50 tahun ini terdapat pencapaian dalam bidang angkasa jika dibandingkan pada masa saya dahulu," kata Dr. Mazlan yang berasal dari Seremban, Negeri Sembilan.

Mengakui beliau seorang yang mudah dibawa ke tengah ke tepi, sifat-sifat tersebut yang menjadi kekuatannya.

Sama ada di dalam atau di luar negara, beliau merupakan seorang yang relaks, berani menyahut cabaran, tidak takut dan akan melakukan apa yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.

"Jika hari ini saya mendapat panggilan telefon yang mengarahkan saya ke planet Marikh dan saya tidak boleh balik, saya terima. Saya tidak takut.

"Bahkan, setiap kali saya menaiki kapal terbang, saya terfikir mungkin saya tidak akan kembali lagi. Jika kita enggan melakukan sesuatu kerana takut mati, itu merepek.

"Saya tidak pernah takut pada orang hanya kerana dia kulit putih, presiden atau penjenayah. Kita mesti beranikan diri dan jangan ada perasaan rendah diri. Masing-masing ada kekuatan yang orang kagumi," ujar ibu kepada Adi Johan, 33, dan Elida Izani, 19.

Pernah terfikir pilih bidang perubatan

SEMASA di bangku sekolah, seperti kanak-kanak lain yang sebaya dengannya, Dr. Mazlan tidak pernah berminat pada angkasa lepas.

Beliau tidak tahu pun apa itu angkasa lepas, cuma apabila memandang ke langit sering bertanya apa yang ada di atas sana.

Bersekolah rendah di Sekolah Rendah Convent St Nicholas, Alor Setar, Kedah dan kemudian menyambung pelajaran ke Kolej Tunku Kurshiah, daripada tingkatan satu hingga tingkatan enam atas, minat kepada sains datang secara sendiri.

"Semasa saya di tingkatan tiga, saya mula mempelajari fizik dan didedahkan pada Einstein. Saya melihat fizik itu cantik dan jatuh cinta dengan fizik seterusnya bertekad untuk mendalami fizik.

"Pernah suatu masa saya terfikir hendak memilih bidang perubatan dan menjadi pakar bedah neuro, tetapi saya rasa saya lebih memahami dan meminati fizik bukan perubatan.

"Saya diberikan biasiswa Colombo Plan bagi meneruskan pengajian ke New Zealand. Semasa di universiti, saya didedahkan dengan bidang astronomi dan mendalami astrofizik.

"Saya mengiktiraf diri saya sendiri

bahawa saya amat meminati astro fizik dan meneruskan hingga ke peringkat doktor falsafah dalam astrofizik. Astrofizik terdiri daripada pelbagai aspek seperti falsafah, estetik dan sebagainya.

"Mungkin ramai yang tidak mengetahui bahawa astronomi merupakan ilmu tertua bagi tamadun manusia dan mempunyai kaitan yang erat dengan budaya dan agama.

"Apabila memandang ke angkasa lepas saya berasa betapa kerdilnya manusia jika dibandingkan dengan ciptaan Tuhan. Manusia yang hebat pun tidak akan dapat membuat objek yang terdapat di angkasa.

"Sesiapa pun apabila melihat ke langit dan memahami apa yang terdapat di langit sudah tentu akan mengagumi Penciptanya.

"Ada orang yang bertanya kepada saya apabila kita mempelajari mengenai langit daripada segi sains, kita tidak akan mempercayai lagi Tuhan. Namun orang silap kerana galaksi membawa kita lebih dekat kepada Tuhan," katanya yang begitu mengagumi *nebula Eta Carinae*, awan yang terdiri daripada molekul dan gas yang mempunyai bentuk cukup menarik.

PLANETARIUM Negara mempunyai sentuhan peribadi Dr. Mazlan.



KERATAN AKHBAR
THE STAR (EVENT) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 7 NOVEMBER 2014 (JUMAAT)



Experience of a lifetime

Pupils connect with International Space Station in programme aimed at nurturing future scientists

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my



IT WAS an experience of a lifetime for some 20 pupils as they connected with the International Space Station (ISS) via live radio communication at the **National Planetarium**.

The pupils from SK Taman Tun Dr Ismail 1 and SJK (C) Puay Chai 2 has the opportunity to ask ISS flight engineer and American astronaut Gregory Reid Wiseman one question each about space and the conditions aboard the station as it passed over Malaysia at 7.14pm on Nov 1.

As the space station approached local skies, the pupils counted down to the point of radio contact and cheered when they heard Wiseman's chirpy greetings from outer space coming through the amateur radio set in the National Planetarium's micro-satellite building.

Led by station controller Sangat Singh, the pupils asked their questions clearly, such as "Is it hard to eat in space?", "What time zone is observed in space?" and "How does it feel to float in space?"

Held since 2007, the annual event is organised by the **National Space Agency**

(Angkasa) and the **Science, Technology and Innovation Ministry**.

It is part of the National Space Challenge Programme and held in conjunction with World Space Week that kicks off tomorrow.

Angkasa director-general Dr Nordin Ahmad said the programme was aimed at educating young Malaysians on space and nurturing their minds to become future scientists.

"It is a chance for students to connect with the human element in this field of study. It started in 2007 with our own astronaut, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha. We usually time it to coincide with the National Space Challenge programme," he said.

SJK (C) Puay Chai 2 pupil Tan Li Xuan, 12, said he was excited at the chance to pose a question to Wiseman.

"I volunteered to join in the event as I am very interested in this field," he said.

He said he was surprised at Wiseman's answer to his question "What language is commonly used at the ISS?"

"I was astonished to learn that apart from English, Russian is also used at the ISS. According to Wiseman, many of the astronauts are American and European," he said.

The ISS was first opened on Nov 2, 2000, by two Russian cosmonauts and an American astronaut.

